

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH]

TARIKH JAWAPAN : -

SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa minta MENTERI
TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:

- (a) apakah cadangan dalam masa terdekat langkah-langkah untuk mengatasi masalah bekalan air Kelantan menerusi penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Kelantan; dan
- (b) adakah program penstrukturan semula terhadap kepada bekalan air domestik sahaja atau turut melibatkan penggunaan pertanian dan konservasi air.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Perjanjian-perjanjian Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Kelantan telah ditandatangani pada 14 September 2016 yang lalu. Melalui pemeteraian perjanjian-perjanjian tersebut, Air Kelantan Sdn. Bhd (AKSB) dilepaskan dari tanggungjawab menyediakan peruntukan bagi pembangunan aset-aset air, dan sebaliknya berfungsi secara *asset-light* serta dapat memberi tumpuan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mutu perkhidmatan kepada pengguna. Tanggungjawab untuk membina infrastruktur air baharu akan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air (PAAB) berdasarkan Pelan Perniagaan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
2. Langkah-langkah untuk mengatasi masalah bekalan air Kelantan termasuk kerja-kerja membangun, menaik taraf dan membaik pulih aset bekalan air oleh PAAB berdasarkan keutamaan yang telah diluluskan oleh SPAN. Antara projek yang akan dilaksanakan termasuk pembinaan Loji Rawatan Air Kampung Telok di daerah Kota Bharu dengan kapasiti 30 Juta Liter Sehari (MLD), yang akan membekalkan air ke daerah Kota Bharu yang meliputi kawasan

Perindustrian Padang Tembak, Lapangan Terbang Pengkalan
Chepa, Pusat Pendidikan, Bangunan Kerajaan, sebahagian kecil
kawasan Panji dan Tanjung Mas, Kampung Telok, Kampung Sabak
dan Kampung Kemumin.

Tuan Yang Dipertua,

3. Program penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air ini hanya terhad kepada bekalan air domestik sahaja dan tidak melibatkan penggunaan pertanian.
